

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN GOBIND SINGH DEO

KAWASAN : PUCHONG

TARIKH : 27 NOVEMBER 2014, KHAMIS

SOALAN:

YB. TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah kesesakan trafik di kawasan Parlimen Puchong khasnya di Taman Equine.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah kesesakan lalu lintas di kawasan Equine Park dan Seri Kembangan dijangka akan berkurangan apabila projek membina persimpangan bertingkat baru yang menghubungkan kawasan tersebut dengan Lebuh Raya MEX disiapkan pada akhir tahun 2015. Persimpangan bertingkat dengan kos RM90 juta itu akan memberi manfaat kepada 130,000 kenderaan di kawasan Seri Kembangan (termasuk Equine Park) di mana ia dapat membantu kelancaran pergerakan trafik di kawasan berkenaan, khususnya di Jalan Putra Permai (B16). Di samping itu, kementerian ini akan memohon peruntukan untuk menaik taraf Jalan Besar di Seri Kembangan dalam RMKe-11 nanti.

Sekian. Terima kasih.